



Mutiara

www.buletinmutiara.com



PERCUMA

Cekap

Akauntabel

Telus

1 – 15 OGOS, 2017



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Dzulkifli, SPRM puji ikrar tambahan 10 Langkah Integriti Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memuji tambahan 10 Langkah Integriti Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diamalkan oleh pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, selepas majlis melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat negeri.

"Kita tidak ada masalah dengan perkara itu (ikrar tambahan 10 Langkah Integriti Kerajaan Negeri Pulau Pinang), malah kita (SPRM) mengalu-alukan...kerana ini mengukuhkan lagi ikrar (IBR) itu sendiri," respons Datuk Dzulkifli Ahmad pada sidang media di sini 4 Ogos lalu.

Bagaimanapun, Dzulkifli memberitahu, SPRM ketika ini tiada rancangan untuk meluaskan pelaksanaan IBR secara sukarela membabitkan parti-parti politik sempena menghadapi musim Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Sebelum itu, beliau menyaksikan Guan Eng memimpin istiadat melafazkan IBR Dan Tambahan 10 Langkah Integriti Kerajaan Negeri Pulau Pinang (IBR Plus 10) membabitkan semua Exco, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen (MP) Pakatan Harapan, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi Kerajaan Negeri.

Berucap pada majlis melafaz dwi ikrar sebelum itu, Guan Eng memberitahu bahawa **Pulau Pinang ketika ini bukan negeri yang terakhir menyatakan komitmen secara sukarela untuk menandatangani IBR.**

Pun begitu, beliau melahirkan rasa tidak puas hati dengan beberapa media arus perdana mesra Barisan Nasional (BN) yang terus menggambarkan Kerajaan Negeri hari ini kononnya mengingkari inisiatif SPRM tersebut.

"Sebenarnya, pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah amat jelas bahawa sebarang ikrar tidak akan berkesan sekiranya tidak wujud political will atau iltizam politik untuk bertindak ke atas mereka yang menyeleweng atau merompak khazanah negara dan rakyat.



KETUA Menteri dan Dzulkifli Ahmad berjabat tangan selepas selesai Majlis IBR Plus 10 Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini 4 Ogos lalu.

"Ini sebabnya, Kerajaan Negeri memperkenalkan 10 langkah integriti tersebut agar ia disusuli dengan tindakan konkrit, dan bukan sekadar menanam tebu di bibir," tegasnya sambil memberitahu bahawa pentadbirannya bersedia saling bekerjasama dengan SPRM untuk agenda anti rasuah.

Guan Eng sekali lagi membacakan 10 Langkah Integriti Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diamalkan sejak tahun 2008, iaitu:

- Amalan Pentadbiran yang berlandaskan Prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus).
- Menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri, barisan EXCO dan ADUN.
- Melaksanakan tender terbuka yang kompetitif.
- Tidak membenarkan ahli keluarga untuk melibatkan diri dalam kontrak Kerajaan atau berurusan dengan Kerajaan Negeri.
- Melarang ADUN dan ahli pentadbiran

daripada diluluskan permohonan tanah Kerajaan Negeri.

- Melindungi pemberi maklumat atau peniup wisel yang tulen.
- Mengambil tindakan ke atas pemimpin yang hidup mewah melebihi pendapatan rasminya.
- Telus dalam sumbangan politik.
- Tidak menerima 'donation' peribadi.
- Mengambil tindakan ke atas pegawai yang melanggar kesemua di atas.

Puteri Maha Chakri Sirindhorn di Pulau Pinang untuk lawatan rasmi



PUTERI Maha Chakri Sirindhorn (dua dari kanan) menunjukkan hasil karya baginda kepada Ketua Menteri dan isteri sebelum berangkat pulang.



PUTERI Maha Chakri Sirindhorn pada sesi lawatan baginda ke *The Habitat Penang Hill*.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Puteri Diraja Thailand, Maha Chakri Sirindhorn baru-baru ini mengadakan lawatan kerja rasmi selama dua hari ke Pulau Pinang bersama-sama anggota delegasi yang terdiri daripada pensyarah dan pegawai kanan baginda.

Ketibaan baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas pada 24 Julai lalu disambut Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, serta beberapa Exco Kerajaan Negeri seperti Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Chong Eng dan Lim

Hock Seng.

Turut sama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman dan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu.

Baginda dan delegasi termasuk Duta Thailand ke Malaysia, Damrong Kraikruan dan Konsul Jeneral Diraja Thailand ke Pulau Pinang, Ekajit Kraivichien kemudiannya disambut oleh pimpinan negeri dalam satu persantapan rasmi.

Selain itu, baginda dan delegasi turut dibawa mengunjungi perpustakaan digital pertama negara yang beroperasi 24 jam iaitu

Penang Digital Library, The Habitat Penang Hill, Entopia by Penang Butterfly Farm dan Tropical Spice Garden dekat Batu Feringghi.

Umumnya, kunjungan baginda kali ini adalah bagi mempelajari habitat tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam hutan hujan tropika di Pulau Pinang, termasuk tarikan terbaru di Bukit Bendera.

Dalam pada itu,

keberangkatan pulang baginda diiringi oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri serta pimpinan negeri lain.

Guan Eng yang ditemui berkata, beliau turut mengundang Puteri Diraja Thailand itu untuk datang semula ke Pulau Pinang tahun hadapan.

Tahun lalu, baginda bersama-sama tenaga pengajar dari Thailand mengadakan lawatan

kerja rasmi tiga hari ke Pulau Pinang bagi mempelajari tentang inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperkasakan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan.

Sebelum itu, sekitar bulan Oktober 2015, baginda turut berada di Pulau Pinang bersama-sama 40 pelatih Akademi Tentera Diraja Chulachomklao menelusuri sejarah lampau Pulau Pinang.



AKSI Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng (berkemeja putih) ketika menyertai lawatan delegasi ke *Tree Top Walk, The Habitat Penang Hill*.



Oleh: ME

Pulau Pinang: Bayaran tunggakan hutang sifar, hutang terkumpul terendah - KM

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang merupakan satu-satunya di Malaysia yang mencatatkan bayaran tunggakan hutang sifar kepada Kerajaan Persekutuan, kata Guan Eng ketika mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016.

Malah, menurut Ketua Menteri Pulau Pinang itu lagi, RM65 juta hutang terkumpul Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 kepada Kerajaan Persekutuan turut merupakan yang terendah berbanding negeri-negeri lain.

"Hutang Negeri Pahang adalah yang tertinggi iaitu RM3 bilion, diikuti Sabah dan Sarawak sebanyak RM2.6 bilion, Kedah RM2.3 bilion dan Kelantan RM1.4 bilion, sekaligus menjadi antara 5 negeri yang mempunyai hutang tertinggi di Malaysia."

"Pulau Pinang telah mengurangkan hutang negeri sebanyak 90 peratus kepada RM65 juta pada hujung tahun 2016, (merupakan yang) terendah di antara semua negeri di negara ini," ujarinya dalam kenyataan bertulis pada 3 Ogos lepas. (Rujuk Lampiran A).

Dalam perkembangan lain, Guan Eng mengangap Menteri

di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan cemburu dengan rekod tadbir urus kewangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

"Betapa cemburunya Abdul Rahman terhadap Pulau Pinang, oleh kerana itulah beliau mendesak Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya membatalkan perjanjian penstrukturan semula air yang ditandatangani pada tahun 2011.

"Abdul Rahman mendakwa bahawa pengurangan hutang itu hanya dapat dilakukan kerana Kerajaan Persekutuan telah mengubah hutang air sedia ada sebanyak RM655.24 juta kepada bayaran ansuran sebanyak RM14.56 juta setahun selama 45 tahun oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

"Abdul Rahman lupa tentang lima perkara penting yang beliau sengaja tinggalkan dan tidak ingin dinyatakan, iaitu:-

PERTAMA, hutang air ini telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) sebelum ini, dan ia adalah adil untuk mengembalikan hutang air tersebut kepada Kerajaan Persekutuan BN.


KEDUA, hutang yang diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan ini bukannya dilakukan secara

percuma, tetapi menerusi pertukaran aset air yang diserahkan oleh PBAPP, dan kini dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan.

KETIGA, perjanjian penstrukturan semula air, pengambilalihan hutang air dan penyerahan aset bukan hanya khusus kepada Pulau Pinang, tetapi turut dipraktikkan kepada semua negeri lain.

KEEMPAT, perjanjian penstrukturan semula air ini adalah melibatkan penyerahan hak oleh Kerajaan Negeri BN sebelum tahun 2008. Pada tahun 2005, terdapat pindaan Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan "bekalan air dan perkhidmatan" daripada senarai Negeri kepada senarai bersama.

KELIMA, yang paling penting kepada Abdul Rahman ialah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang tidak mempunyai sebarang bayaran hutang tertunggak pada penghujung tahun 2016. Keadaan ini adalah jauh berbeza daripada negeri Pahang dan Kedah yang masing-masing mempunyai tunggakan tertinggi sebanyak RM1.087 bilion dan RM1.028 bilion. Sebagai tambahan, PBAPP juga telah menjelaskan semua



LAMPIRAN A: Hutang terkumpul Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 kepada Kerajaan Persekutuan.

bayaran ansuran penuh pada tepat tempoh masanya.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP tidak mendapat sebarang bantuan daripada Kerajaan Persekutuan apabila semua bayaran hutang dibuat tepat pada masanya, ini jelas membuktikan bahawa tidak seperti negeri lain, Pulau Pinang mempunyai wang untuk berbuat demikian kerana negeri ini diuruskan dengan baik dengan lebih belanjawan direkodkan

sejak tahun 2008," jelasnya.

Tambah Guan Eng, kenaikan hutang (Persekutuan) adalah sebanyak RM147 bilion dalam tempoh lima tahun, daripada RM501.6 bilion pada tahun 2012, kepada RM648.5 bilion pada tahun 2016.

"Hutang Kerajaan Persekutuan mungkin akan melebihi RM800 bilion sekiranya liabiliti luar jangka dalam bentuk jaminan dan surat sokongan Kerajaan Persekutuan turut dimasukkan," katanya.

Penganugerahan EBA: MBPP, MPSP nafi belanja wang pembayar cukai beli sebarang anugerah serta pengiktirafan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DANNY OOI**

GEORGE TOWN - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif menegaskan bahawa bukanlah dasar kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk membelanjakan wang pembayar cukai dengan tujuan membeli sebarang anugerah mahupun pengiktirafan daripada mana-mana pihak.

Beliau berkata demikian mewakili kedua-dua PBT berkaitan sebagai mengulas isu penganugerahan daripada *Europe Business Assembly* (EBA) masing-masing pada tahun 2013 dan 2014 pada sidang media di sini baru-baru ini.

Maimunah menjelaskan bahawa MBPP (dahulunya Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) dan MPSP ketika itu telah membuat semakan terhadap 'package of conference' terlebih dahulu setelah menerima surat jemputan



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan) dan Siti Haslinda Hassan menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

dari Koordinator EBA.

"Daripada semakan yang dibuat, kami tidak nampak apa-apa yang tidak *genuine* atau mencurigakan kerana terdapat juga PBT-PBT lain di Malaysia yang telah menerima anugerah ini tahun-tahun sebelumnya.

"Malah, selain PBT, terdapat juga pusat pengajian tinggi (IPT), orang-perseorangan yang prominen sama ada dalam sektor kerajaan ataupun swasta turut menerima anugerah daripada

EBA tersebut.

"Pada ketika itu, MPPP dan MPSP menganggap anugerah yang diterima ini adalah suatu pengiktirafan berprestij berdasarkan kriteria-kriteria yang telah digariskan.

"Justeru, ketika itu kita berpandangan ia adalah wajar untuk menyertai anugerah tersebut," jelasnya.

Turut serta, Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha;

Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa MPSP, Siti Haslinda Hassan serta Ahli-ahli Majlis MBPP.

Pada 27 Julai lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong melalui kenyataannya mempersoalkan pengiktirafan diterima kedua-dua PBT berkenaan dan memohon supaya Kerajaan Negeri tampil menjelaskan sama ada MBPP dan MPSP menggunakan wang rakyat bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa tersebut ekoran EBA merupakan sebuah organisasi yang dilaporkan mencari keuntungan dengan menjual anugerah.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, MBPP dan MPSP akan lebih berhati-hati terhadap sebarang penyertaan atau anugerah dan pengiktirafan yang akan disertai atau diterima pada masa akan datang.

"Walau bagaimanapun, kami ingin memohon maaf sekiranya anugerah yang diterima ini tidak *genuine* dan mendatangkan kekeliruan," ujarinya.

Tambah Maimunah, pada tahun 2013, MPPP telah

dicalonkan untuk menerima anugerah *The Best Cities* dan *The Best Municipal Managers* dari EBA. Lanjutan itu, MPPP telah mengambil bahagian dengan yuran penyertaan sebanyak £4400 atau Ringgit Malaysia (RM) sebanyak RM20,680.

"Manakala, MPSP telah dicalonkan sebagai *Best City* dan *Best City Manager* pada 2014 dengan yuran penyertaan sebanyak GBP3,400 (RM18,408.10).

"Penganugerahan tersebut masing-masingnya berlangsung di Montreux, Switzerland bagi MPPP dan Stresa, Itali (MPSP)," katanya.

Sehubungan itu, Maimunah mohon agar diberikan masa bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan MBPP ekoran dirinya baharu sahaja dilantik sebagai Datuk Bandar.

"Saya tidak akan berputus asa untuk menambah baik mutu perkhidmatan saya dan MBPP.

"MBPP dan MPSP sebelum ini juga telah banyak menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan lain-lain," ujar beliau.

Muatkan program STEM dalam silibus pendidikan sekolah, KM syor Pusat



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang mengambil bahagian.



KETUA Menteri memerhatikan aksi peserta cilik yang mengambil bahagian dalam salah satu demonstrasi pada Majlis Pelancaran STEM di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA - Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) disyor mempertimbang cadangan memuatkan program STEM atau *Science, Technology, Engineering and Mathematics* dalam silibus akademik di peringkat sekolah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pentadbirannya di Pulau Pinang turut mengetengahkan program sebegini sebagai persiapan menempuhi era Revolusi Digital 4.0 kini.

"Ia adalah syor kepada Kerajaan Persekutuan dan menjadi tugas Kementerian Pelajaran untuk meneroka dan mengeksploitasi program sebegini (STEM untuk

menghadapi) Revolusi Digital 4.0.

"Di Pulau Pinang, kami (Kerajaan Negeri) telahpun menerapkan program STEM melalui penubuhan badan *Penang Science Cluster*, Tech Dome Pulau Pinang, Pusat Pembelajaran Karpal Singh, @CAT, Perpustakaan Digital Pulau Pinang, yang melibatkan Revolusi Digital 4.0," jelasnya pada Majlis Pelancaran STEM di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Rozali Mohamud; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) STEM Sdn. Bhd., Ang Lye Hin; CEO Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), Muhamad Ali;

CEO Tech Dome Pulau Pinang, Dr. Khong Yoon Loon dan Pengarah @CAT Pulau Pinang, Howie Chang.

Menurut Guan Eng, beliau yakin program STEM serta pelbagai inisiatif lain akan melonjakkan lagi potensi bakat Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh mengabaikan Revolusi Digital 4.0 kerana kita akan 'mati' tanpa pengetahuan mengenai Revolusi Digital 4.0.

"Dengan pengetahuan Revolusi Digital 4.0, generasi muda akan menjadi nombor satu di dunia," katanya.

Pada majlis sama, Eksekutif Pendidikan Sains Tech Dome Pulau Pinang, Jaryl Loh membuat demonstrasi dan satu eksperimen mengenai reaksi kimia dengan sabun yang menghasilkan buih berwarna-warni.



ANTARA demonstrasi sains yang dijalankan.

Exco syor rekod Pusat bina PPR, KR untuk Pulau Pinang diaudit

GEORGE TOWN - Jagdeep Singh Deo mengesyorkan Ketua Audit Negara supaya melaksanakan audit ke atas rekod Kerajaan Pusat membina unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan rumah kos rendah (RKR) untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang.

Respons Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan itu adalah merujuk kepada beberapa ulasan mengenai kelemahan pengurusan unit kediaman di negeri ini, sebagaimana tertera dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Negeri Pulau Pinang Siri 1.

"Kerajaan Pusat tidak boleh lari daripada hakikat bahawasanya dalam tempoh masa (tahun) 2000 hingga 2007, cuma 5,124 unit rumah kos rendah (RKR) dan kos sederhana

rendah (KSR) dibina oleh Kerajaan BN (Barisan Nasional) dahulu... berbanding sejumlah 20,887 unit rumah kos rendah (RKR) dan sederhana rendah (KSR) dibina dalam tempoh 2008 sehingga 2016 di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan.

"Kegagalan sepenuhnya Kerajaan Pusat kerana setakat ini tiada satu unit kediaman PRIMA (Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia) dibina di Pulau Pinang.

"Saya cabar Ketua Audit Negara audit mereka (Kerajaan Persekutuan) kerana kami (rakyat Malaysia di Pulau Pinang) juga adalah pembayar cukai," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat merangkap Pengerusi Jawatankuasa

Penambahbaikan Proses Pemilihan (SPEC) pada sidang media di sini 3 Ogos lalu.

Hadir sama, dua anggota SPEC lain, ADUN Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Booh Poh dan Soon Lip Chee (ADUN Sungai Jawi).

Mengulas lanjut, Jagdeep turut menjelaskan sebab-musabab terdapat 320 kekosongan PPR dengan satu unit kekosongan di Jalan Zainal Abidin, Taman Bagan Jaya (2), Ampang Jajar (66) dan Desa Wawasan (251), sehingga kini seperti ulasan laporan tahunan tersebut.

"(Kekosongan unit kediaman) ini adalah unit-unit yang dikhaskan untuk kes-kes penempatan sementara bagi kerja-kerja membaik pulih pangsapuri

Mak Mandin Blok 3, mangsa bencana dan kecemasan.

"Majoriti pemohon tidak mahu memilih projek PPR di Desa Wawasan kerana ia tidak sesuai memandangkan keadaan geografi mereka...pihak kami (Kerajaan Negeri) tidak boleh memaksa mereka memilih unit-unit tersebut," jelasnya.

Laporan Ketua Audit Negara berwajib baru-baru ini antara lain mengulas mengenai terdapat penyewa atau pembeli yang masih menduduki PPR atau RKR yang mempunyai tunggakan sewa atau sewa beli sehingga RM43,748, dan tunggakan penyenggaraan sehingga RM6,240, yang mana tempoh tunggakan masing-masingnya antara 280 bulan (23 tahun 4 bulan) dan 312 bulan (26 tahun).

Kampung Mutiara, harap semua pihak akur, hormati persetujuan tiga pihak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

TANJUNG BUNGA -

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap semua pihak termasuk penduduk Kampung Mutiara akur dan menghormati persetujuan dicapai ketiga-tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri, tuan tanah dan wakil penduduk di sini.

Bercakap kepada pemberita, Mohd. Rashid percaya bahawa penyelesaian dicapai kali ini adalah yang terbaik setelah hampir 10 tahun kemelut di Kampung Mutiara berlanjutan.

"Penyelesaian yang telah dipersetujui ini merupakan penyelesaian terbaik, dan saya berharap agar semua pihak dapat mematuhi serta akur dan menghormati, persetujuan yang diputuskan ini," katanya yang turut bersama-sama penduduk di Kampung Mutiara 'memujuk' tuan tanah supaya menangguk tindakan perobohan.

Terdahulu, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar mengumumkan bahawa kes berkaitan dianggap selesai setelah mahkamah membenarkan penangguhan selama tiga bulan yang turut dipersetujui oleh semua pihak termasuk tuan tanah.

"Hasil perbincangan pelbagai pihak, mahkamah memutuskan bahawa writ milikan tanah bertarikh 10 Julai lalu ditarik balik oleh tuan tanah dan ditangguhkan sehingga tiga bulan.

"Maka, penduduk hendaklah menyerahkan milikan kosong dalam tempoh tiga bulan, dan sekiranya gagal, pemilik tanah berhak mendapatkan milikan kosong iaitu penduduk dikehendaki keluar (dari tanah tersebut)," umumnya di hadapan kira-kira 1,000 penduduk yang berkumpul sejak 8 pagi di sini 31 Julai lalu.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari memberitahu, sejak dua tahun lalu, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan untuk mencari penyelesaian terbaik.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu menafikan hak tuan tanah, tetapi pada masa sama, kita tidak mahu penduduk di sini ditindas



MOHD. Rashid Hasnon (berbaju batik), Zairil Khir Johari dan penduduk berkaitan ketika membuat pengumuman di Kampung Mutiara di sini baru-baru ini.

atau diusir keluar tanpa rundingan.

"(Dan) Alhamdulillah, setelah dua tahun, kita berjaya mencapai penyelesaian terbaik dan kata sepakat," ujarnya yang turut ditemani Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu; Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) seperti Syerleena Abdul Rashid, Chris Lee Chun Kit, Gan Ay Ling dan D.R. Kala serta Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera, Datuk Seri Ahmad Ismail (yang mewakili penduduk Kampung Mutiara) dan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi George Town, Nurzafirah Mohamed Ali.

Difahamkan, penduduk yang terlibat akan ditempatkan di penempatan sementara di Sri Tanjung Pinang 1, Tanjung Tokong.

Kemelut Kampung Mutiara bermula pada tahun 2007 apabila tuan tanah menyerahkan notis pengosongan kepada penduduk bagi membangunkan tanah di sini.

Perkara tersebut berlanjutan apabila keputusan mahkamah sebelum ini berpihak kepada tuan tanah sehingga perintah mahkamah dikeluarkan pada tahun 2015 bagi menangguk tindakan pengosongan tanah di kampung tersebut.

FAKTA:

- Tanah dijual kepada pemilik swasta zaman Barisan Nasional (BN) tahun 1994

- Pemilik swasta ingin mengosongkan tanah dan memulakan tindakan mahkamah sekitar tahun 2007.

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang hentikan pengusiran dan memberi amaran bahawa sebarang permohonan untuk pemajuan akan ditolak jika tuntutan penduduk tidak dipenuhi.

- Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari mengadakan rundingan berkali-kali dengan pemilik swasta bagi pihak penduduk kampung.

- Pada 10.07.2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengeluarkan notis pengambilan tanah mengikut Seksyen 4A Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk membeli tanah tersebut daripada pemilik.

- Pihak mahkamah menolak notis Kerajaan Negeri dan memberi arahan untuk pengusiran.

- Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Batu Feringghi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik, termasuk UMNO Bukit Bendera, berjaya menghentikan pengusiran penduduk Kampung Mutiara pada 31.07.2017.

- Usaha sama secara profesional tanpa bermain politik oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dan UMNO Bukit Bendera telah menyelamatkan penduduk Kampung Mutiara daripada diusir.



EKSPLO PERUMAHAN MAMPU MILIK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2017

Tarikh : 10-13 Ogos 2017 (Khamis-Ahad)

Masa : 10.00 Pagi - 10.00 Malam

Tempat : South Atrium, Ground Floor
Queensbay Mall, Pulau Pinang

Kehadiran Khas:

Y.A.B. Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang

YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh
Pengerusi Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan

12 Ogos 2017 (Sabtu) • 12.00 tengahari



Potongan bajet kesihatan tidak wajar, rakyat keseluruhannya terkesan – Exco

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Tindakan Kerajaan Persekutuan memotong peruntukan kesihatan bagi Kementerian Kesihatan dalam Bajet 2017 bukan sahaja tidak wajar, malah menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ia adalah tidak realistik.

Afif berkata, perkhidmatan kesihatan merupakan sektor yang amat penting dalam pembentukan kesejahteraan rakyat dan negara.

“Secara keseluruhannya, pemotongan bajet kesihatan terutamanya bagi farmasi, bekalan awam dan penyelidikan perubatan bukan sahaja menyebabkan rakyat terkesan keseluruhannya, malah juga memaksa pesakit untuk membeli sendiri bekalan ubat bagi penyakit-penyakit kronik.

“Sewajarnya, penggubal dasar terutamanya menteri sendiri perlu memahami situasi apabila bajet kesihatan dipotong, dan tidak hanya berdiam diri serta membiarkan sahaja situasi tersebut berlaku.

“Sebab itu, saya pernah mencadangkan sebelum ini supaya kita adakan pengagihan kuasa pusat (*decentralize*) bagi perkhidmatan kesihatan, tetapi apabila pengagihan kuasa pusat berlaku, perlu ada autonomi, tiada lagi arahan daripada Putrajaya,” ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Peluncuran Buku 'What you should know about Parkinson's Disease' di sini baru-baru ini.

Mengambil contoh Pulau Pinang, jelas Afif, **Pulau Pinang menyumbang sejumlah wang untuk pencukaian negara dan seharusnya menerima kembali sejumlah dana bagi menampung keperluan rakyat di Pulau Pinang khususnya dalam sektor**

penjagaan kesihatan.

“Sebab itu, saya berharap, Kerajaan Pusat 'berbesar hati' untuk mengadakan rundingan bersama-sama Kerajaan Negeri kerana apa yang terjadi di Malaysia kini segalanya di bawah kuasa Pusat sedangkan setiap negeri dan setiap lokaliti itu mempunyai keperluan yang berbeza,” tegasnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan yang turut serta dalam sidang media berkaitan menyatakan, setiap rakyat mempunyai hak untuk mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan.

“Seperti yang diucapkan oleh Dr. Afif (Afif) dalam ucapan perasmian, isu ini bukanlah isu politik, sebaliknya ia adalah isu polisi dan politik bukanlah asas kerana ia melibatkan hak untuk mendapatkan rawatan yang terbaik dan hak untuk hidup,” jelasnya.

Hadir sama, Presiden Persatuan Penyakit Parkinson Pulau Pinang (PPDA), Dr. Madelene Ong dan profesor dari Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Mohamed Azmi Ahmad Hassali.

Terdahulu, Afif memuji inisiatif yang diambil oleh PPDA dan USM dengan kerjasama Chulalongkorn Centre of Excellence for Parkinson's Disease & Related Disorder, King Chulalongkorn Memorial Hospital, Thailand dalam menganjurkan seminar sehari bersama-sama

pengamal perubatan dan kumpulan pelatih yang terlibat secara langsung dengan pesakit *Parkinson's Disease* (PD).

“Saya percaya ramai dalam kalangan kita tidak sedar mengenai PD kerana ia merupakan salah satu penyakit yang paling kurang diketahui dengan tanggapan PD cuma terjadi kepada mereka yang telah lanjut usia.

“Sedangkan ada juga dalam kalangan pesakit yang masih muda seawal usia 16 tahun mengidap PD kerana PD tidak boleh dicegah mahupun dirawat...jadi saya harap dengan adanya buku 'What you should know about Parkinson's Disease' ini, ia akan meningkatkan kesedaran umum tentang penyakit ini,” katanya.

Dijual pada harga RM20, buku tersebut boleh didapati pejabat PPDA, Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama.



DR. Afif Bahardin (kanan sekali) dan Dr. T. Jayabalan (kiri sekali) pada Majlis Peluncuran Buku 'What you should know about Parkinson's Disease' di sini baru-baru ini.



TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

**BORANG-BORANG BOLEH
DIDAPATI DI:**

JABATAN PERTANIAN
+04-537 2142

JABATAN PERIKANAN
+04-657 2777

**JABATAN
PERKHIDMATAN VETERINAR**
+04-508 4368



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

**TANPA
CAGARAN &
PENJAMIN**

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan


RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

Exco akui tak sanggup usir orang susah sebab sewa PPR tertunggak



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mengaku bahawa tidak sanggup mengusir orang susah daripada mendiami unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR), disebabkan tidak mampu membayar sewa tertunggak.

Bagaimanapun, menurut Jagdeep Singh Deo, pihaknya masih berjaya mencatatkan peningkatan hasil kutipan sewa unit kediaman melalui pendekatan yang lebih berprikemanusiaan ke atas penghuni-penghuni PPR terbabit.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan mengambil tindakan drastik untuk menghalau, tetapi kita cuba membantu dan mengemukakan cadangan untuk mengatasi tunggakan mereka.

"Antara kaedah yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa (Penyelarasan Tindakan Penguatkuasaan Bahagian Perumahan) tersebut adalah pembukaan kaunter pada hari Sabtu bagi memudahkan pembayaran sewa dan menghentikan perkhidmatan siaran Astro bagi unit-unit yang mempunyai tunggakan," katanya

yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Respons Jagdeep itu adalah merujuk kepada beberapa ulasan mengenai kelemahan pengurusan unit kediaman di negeri ini, sebagaimana tertera dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Negeri Pulau Pinang Siri 1.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, prestasi jumlah kutipan hasil dalam tempoh bulan Januari hingga Mac 2017 adalah sebanyak RM1,642,098.09 berbanding jumlah sepatut kutip iaitu RM1,617,972.87, dengan angka peningkatan sebanyak RM24,125.22.

Laporan Ketua Audit Negara berwajib baru-baru ini antara lain mengulas mengenai terdapat penyewa atau pembeli yang masih menduduki PPR atau rumah kos rendah (RKR) walaupun mempunyai tunggakan sewa atau sewa beli sehingga RM43,748, dan tunggakan penyenggaraan sehingga RM6,240, yang mana tempoh tunggakan adalah masing-masingnya antara 280 bulan (23 tahun 4 bulan) dan 312 bulan (26 tahun).

RM1,500 sebulan had layak sewa PPR Pulau Pinang bersebab

GEORGE TOWN - Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang akan terus mengekalkan had kelayakan permohonan menyewa unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM1,500 sebulan, walaupun di negeri-negeri lain adalah RM3,000 sebulan.

Mengulas lanjut, Jagdeep Singh Deo memberitahu, langkah Kerajaan Pusat meletakkan had layak permohonan membeli unit kediaman di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) adalah mereka yang berpendapatan lebih rendah, RM2,500 sebulan.

"Kalau gaji RM3,000 sebulan layak menyewa PPR, kalau gaji saya lebih rendah di bawah RM2,500 layak memohon (sewa beli) unit rumah PR1MA, apa yang merepek ini," soal Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan pada sidang media di sini 3 Ogos lalu.

Jagdeep yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penambahbaikan Proses Pemilihan (SPEC) berkata demikian sebagai respons kepada beberapa ulasan mengenai kelemahan tadbir urus perumahan di negeri ini, sebagaimana tertera dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Negeri Pulau Pinang Siri 1.

Dalam perkembangan berkaitan, **Jagdeep memberitahu bahawa beliau sendiri pada 1 Mac lalu telah saling berbincang dengan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar mengenai keperluan Kerajaan Pusat membina lebih banyak unit PPR di negeri ini.**

Tambahnya, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sebelum itu turut mencadangkan sebidang tanah berkeluasan 14.647 hektar di Jelutong untuk Kerajaan Pusat membina projek PPR.

"Walaupun surat (daripada Guan Eng) bertarikh 20 April 2017 tersebut telah dihantar kepada Menteri KPKT, malangnya sehingga sekarang tiada sebarang maklum balas.

"(Maka) janggal sekali ada pihak tertentu di dalam keadaan sedemikian membangkitkan isu kekurangan unit PPR di Pulau Pinang adalah diakibatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang," tegas Jagdeep sambil mendesak Kerajaan Pusat supaya segera membina unit kediaman PR1MA dan PPR di negeri ini.

TIDAK PEDULI, MAUT MENANTI.

Jangan baca sahaja, BERTINDAK SEGERA!

- Luangkan 10 minit setiap hujung minggu, cari dan musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes
- Jika demam, dapatkan rawatan segera



UNIT PROMOSI KESIHATAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

www.infosihat.gov.my | www.myhealth.gov.my | www.moh.gov.my



Forum awam bincang kaedah transformasi industri makanan selamat, halal

GEORGE TOWN -

Penganjuran Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Pulau Pinang 2017 di ruang legar Komtar di sini baru-baru ini antara lain membincangkan mengenai kaedah mentransformasi industri makanan selamat dan halal, dalam forum awam secara terbuka.

Panelis forum adalah Ahli Akademik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Fazillah Ariffin; Pegawai Teknologi Makanan Bahagian Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), Norhasni Othman; Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) Jabatan Kesihatan Negeri, Rosnah Mohammad; Timbalan Pengarah Bahagian Operasi FAMA Negeri, Ahmad Salim dan Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Shahbani Ismail.

Sebanyak 44 gerai pameran pelbagai produktiviti halal dibuka sejak 26 Julai lepas dalam karnival anjuran bersama Jabatan Kesihatan Negeri, JHEAIPP, Jabatan Pertanian Negeri dan agensi pusat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).



FORUM awam yang diadakan bersempena penganjuran Karnival Pensijilan Keselamatan Makanan Peringkat Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.

Saring kesihatan diri, cegah penyakit pada peringkat awal

PANTAI JEREJAK - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon mengajak orang ramai untuk mendaftarkan diri bagi menyertai saringan kesihatan melalui Kempen Anda Sihat Masyarakat Sihat (ASMS) di sini baru-baru ini.

Jelasnya, melalui Kempen ASMS, 100 individu pertama yang layak akan menjalani saringan kesihatan pada harga subsidi RM30.

"Mereka yang layak hanya perlu membayar RM30 bagi ujian saringan kesihatan seperti ujian glukosa darah, ujian kolesterol, ujian asid urik, ujian tekanan darah, ujian mata dan rundingan nutrisi bersama-sama pakar nutrisi.

"Harga tersebut adalah harga selepas subsidi oleh Kerajaan Negeri yang diberikan kepada 100 orang pertama yang layak dan berjaya mendapatkan baucar saringan kesihatan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Penasihat Kempen, Dr. Krishnan; Pengarah Eksekutif Terapi Intergratif Pulau Pinang (TIPP), Yuvendran, Pengarah TIPP, Raghuram dan Dr. Prasad.

Kempen ASMS merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama TIPP dalam membantu masyarakat mengenal pasti penyakit pada peringkat awal.

Ujian saringan kesihatan akan diadakan pada 26 Ogos ini di Klinik 24 Jam, Bayan Baru bermula dari 8:30 pagi sehingga 2 petang.

Orang ramai yang ingin menyertainya dengan bayaran RM30 boleh menghubungi talian 016 - 556 4505 (Dr. Prasad) atau 019 - 518 5145 (Akmal).



PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SESI 2017 / 2018



**Permohonan boleh dibuat melalui *online* mulai
1 Jun 2017 hingga 30 Ogos 2017**

<https://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-6505165/5391/5541/5599/5627
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil
Diploma
Ijazah Sains
Ijazah Sastera
Sarjana
PhD

Siapa kata anak muda tak peduli politik?



PERBADANAN Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) pada 14 hingga 16 Julai lalu sekali lagi berjaya menganjurkan Bengkel Demokrat Muda Siri Keempat di Hotel Red Rock, Pulau Pinang. Bengkel yang memberi pendedahan kepada konsep demokrasi dan aktivisme tersebut disertai 18 orang anak muda daripada pelbagai latar belakang, termasuk dari luar Pulau Pinang.

Menurut salah seorang peserta, Joe Chuah, situasi politik Malaysia yang semakin dinamik menjadi salah satu faktor kepada beliau menyertai bengkel ini. Jelas pelajar jurusan undang-undang itu lagi, adalah penting untuk rakyat Malaysia terutamanya golongan muda melengkapkan diri dengan konsep-konsep asas politik serta memahami bentuk-bentuk ideal proses politik. Bagi beliau, politik Malaysia memerlukan suatu perubahan besar dan anak muda perlu mula mengambil kedudukan di barisan hadapan dalam politik negara.

“Tidak semua orang mampu memahami teori dan konsep penting politik seperti demokrasi, aktivisme, konsep negara, perlembagaan dan sebagainya. Oleh itu, perlu diwujudkan suatu kaedah untuk memudahkan anak muda memahami kesemua perkara itu.



DIALOG antara Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthurirani bersama-sama peserta Bengkel Demokrat Muda 2017 4.0.

Itu hasrat kami.” Jelas Izzuddin, pembantu fasilitator bengkel.

Bengkel Demokrat Muda 2017 adalah salah satu inisiatif murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melahirkan anak muda yang aktif dari segi politik dan sosial. Sejak mula dianjurkan pada tahun 2016, bengkel ini telah berjaya menarik lebih dari 100 anak muda untuk mengambil bahagian dan sekali gus mendekatkan Kerajaan Negeri dengan anak muda dari dalam mahupun luar Pulau Pinang.

Inisiatif yang berbentuk serampang dua mata ini membolehkan Kerajaan Negeri lebih memahami isu dan aspirasi orang muda serta pada masa yang sama sebagai ruang untuk Kerajaan Negeri menerima maklum balas terhadap dasar sedia ada.

Menurut Syasya Syahirah, peserta berasal dari Selangor;

“Bengkel Demokrat Muda adalah inisiatif yang harus dipuji dan dicontohi oleh negeri-negeri lain. Tidak hanya ia memberi pendedahan kepada konsep asas politik, malah ia seakan-akan mempersiapkan generasi pelapis pemimpin negara.”

“Setelah menyertai bengkel ini, saya baru sedar bahawa kita tidak perlu semestinya memiliki latar belakang politik misalnya lahir dari keluarga yang aktif dalam politik atau belajar jurusan politik. Rupanya politik itu menarik dan penting,” jelasnya lagi.

Bengkel yang berbentuk interaktif ini memberi peluang kepada para peserta untuk mendengar dan mencabar pendapat dan pemahaman masing-masing tentang politik. Hal ini membantu dalam melahirkan idea-idea baru yang lebih segar dan bermanfaat.

Menurut Anas Aminurrasid, dari Kepala Batas, “Bengkel yang dianjurkan oleh PYDC ini adalah seperti suatu entiti yang bebas dan tidak terikat dengan mana-mana fahaman politik walaupun dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Apa yang menarik adalah, tidak ada sebarang bentuk indoktrinasi kepada para peserta. Kita bebas untuk berbeza dan mengkritik”

Sepertimana tahun lalu, siri bengkel tahun 2017 akan diakhiri dengan program



ANAS Aminurrasid, “Kita bebas untuk ‘berbeza’ dan mengkritik dalam Bengkel Demokrat Muda.”

kemuncak iaitu Sidang Muda yang mana seramai 25 peserta yang terpilih diberi peluang untuk berbahas di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Jelas penganjur, Sidang Muda diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para peserta merasai sendiri suasana sebenar sidang.

“Para peserta yang dipanggil sebagai ‘ahli dewan’ diminta menyediakan usul perbahasan dan usul-usul yang terkumpul akan dipilih oleh Speaker untuk dibahaskan di DUN. Kami berharap usul-usul yang akan dibahaskan pada persidangan yang dijadualkan September ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh peserta,” ujar penganjur.

Penyertaan bengkel adalah terbuka kepada anak muda yang berumur 18 hingga 30 tahun dan pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian yang boleh didapati di laman Facebook PYDC.



BENGKEL Demokrat Muda 2017 adalah salah satu inisiatif murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Industri peruncitan kopi beri impak ekonomi, peluang niaga - Rashid



MOHD. Rashid Hasnon (berbaju Melayu) cuba menghidu aroma kopi yang disediakan oleh salah seorang pempamer pameran *Coffee and Dessert 2017* di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Peningkatan kuasa membeli masyarakat dalam menjadikan kafe hipster serta kedai kopi sebagai sebahagian daripada gaya hidup untuk bersosial membuatkan industri peruncitan kopi kian berkembang dengan baik di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, hal tersebut memberi impak ekonomi kepada usahawan, peluang perniagaan dan kerjaya buat generasi muda khususnya.

“Dengan budaya dan warisan yang kaya, Pulau Pinang sentiasa dikenali sebagai destinasi kegemaran untuk sebarang perayaan, acara dan pameran perdagangan.

“Malah, Pulau Pinang juga merupakan destinasi pilihan pelabur untuk menganjurkan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).

“Saya percaya dengan usaha dan pengukuhan yang berterusan, industri ini pasti akan terus meningkat dan berkembang menjadikannya sebahagian daripada peluang pasaran pilihan ramai,” ujarnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat pada Majlis Perasmian Coffee and Dessert 2017 di sini baru-baru ini.

Pada pameran tahun ketiga tersebut, sejumlah 50 pempamer kopi dan manisan terdiri daripada pelbagai jenama tempatan serta antarabangsa turut serta.

Selain pameran dan pertandingan seni menghias kopi, buat julung kalinya, festival anjuran *TLM Event* tersebut turut disertai pengusaha trak-trak makanan.



ANTARA sajian pencuci mulut yang mencuri tumpuan lensa Buletin Mutiara.

PEMBERITAHUAN TEMUDUGA TERBUKA KOMPLEKS



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEMUDUGA TERBUKA KOMPLEKS DAN KIOSK

21 OGOS 2017 (ISNIN)
WAKTU TEMUDUGA: (09.00 PG - 11.00 PG)

TEMPAT TEMUDUGA TERBUKA:

BILIK MESYUARAT TINGKAT BAWAH
PEJABAT CAWANGAN MPSP
JALAN BETIK
14000 BUKIT MERTAJAM

SPU

BIL.	PASAR	JENIS JUALAN	KOSONG	KADAR SEWA (RM)
1.	KIOSK PONDOK BAS DI HADAPAN RUMAH JURURAWAT	PELBAGAI	1	60.00
2.	KOMPLEKS MAK MANDIN	MAKANAN	1	44.00
3.	KOMPLEK TAMAN TUN DR AWANG	MAKANAN	3	168.00
JUMLAH KEKOSONGAN			5	

SPT

BIL.	PASAR	JENIS JUALAN	KOSONG	KADAR SEWA (RM)
1.	KOMPLEKS JALAN TENGGIRI	MAKANAN & MINUMAN	2	190.00
2.	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN INDERAWASIH	MAKANAN	1	125.00
JUMLAH KEKOSONGAN			3	

SPS

BIL.	PASAR	JENIS JUALAN	KOSONG	KADAR SEWA (RM)
TIADA KEKOSONGAN				

SILA BAWA BERSAMA ANDA SEMASA MENGHADIRI TEMUDUGA TERBUKA:

- KAD PENGENALAN ASAL DAN DUA (2) SALINAN FOTOSTAT
- DUA (2) KEPING GAMBAR BERUKURAN PASPORT
- KATEGORI OKU: KAD OKU & DUA (2) SALINAN FOTOSTAT

SYARAT SYARAT:

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun keatas
- Berpakaian kemas & sopan
- Menepati masa
- Suami/isteri ditawarkan satu gerai sahaja
- Bukan kakitangan awam

UNTUK KETERANGAN LANJUT
SILA HUBUNGI BAHAGIAN
UNIT PENJAJA:
04-5497682 / 04-5497685
Laman web:
<http://www.mpsp.gov.my>

(MOHD FAIDROL BIN MOHD RADZI)
Pegawai Pelesenan
b.p. Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh : 21 OGOS 2017

Bola sepak ikat persaudaraan, buru kejuaraan - Mohd. Sukri

MENEWASKAN Kelab Bola Sepak Shangri-La dari Thailand 3-0 di Stadium Mini Baling, Kedah pada 3 Ogos lepas disambut oleh warganegara setempat semacam Malaysia menewaskan Thailand.

Demikian kata Pengurus Kelab Bola Sepak Mesra Bukit Mertajam, Mohd. Sukri Othman, 42, yang mahu dipanggil 'Pakndak'.

Anda ditempatkan di kalangan individu elit yang berkehidupan mewah. Terletak di antara kehidupan bandar yang meriah dan warisan zaman dahulu di Pulau Pinang, nikmatilah kehidupan mewah di kondominium berkonsep kontemporari dengan nostalgia yang menawan. Dengan lokasi yang strategik, lif peribadi dan kemudahan yang tiada tandingannya, ini adalah kehidupan yang muktamad untuk kamu dan keluarga.

Potongan 5% Untuk Bumiputera

Unit Pameran Sedia Dikunjungi



SETIA V RESIDENCES
Gurney Drive • Penang • Malaysia

facebook.com/citizensetia

Setia Sales Suite, GURNEY DRIVE

No. 25, Lorong Burmah

George Town, 10350 Pulau Pinang, Malaysia

F +604 228 9255 W www.setiaVresidences.com E svr-sales@spsetia.com

Call 604 228 2255

www.spsetia.com

CONNECT
Accessible Townships

SEAL
SETIA EXPRESS ADVANCE LOAN

Setia 10:90
Today's freedom for tomorrow's comfort

36 MONTHS HOME WARRANTY

livelearnworkplay Malaysia | Vietnam | Australia | Singapore | China | United Kingdom

Setia

Kay Pride Sdn Bhd • Setia V Residences : Kondominium (178 unit) • No. Lesen Pemaju : 11978-1/05-2018/01471 (L) • Tempoh Sah : 31/05/2017-30/05/2018 • No. Permit Iklan dan Jualan : 11978-1/05-2018/01471 (P) • Validity Date : 31/05/2017-30/05/2018 • Bebanan Tanah : Pegangan Bebas • Tarikh Dijangka Siap : September 2017 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh : Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan : MPPP/OSC/PB(6349)/13 • Caj Tanah : Tiada • Harga : Tower A Min RM 3,325,624.00 Max RM 9,745,980.00 • Tower B Min RM 2,331,600.00 Max RM 3,415,752.00.

PEMBERI PINJAMAN WANG BERLESEN • Nama Syarikat PPW: S P Setia Technology Sdn Bhd (509498-D) • Alamat Operasi: Setia Ecohill Welcome Centre, No. 2, Jalan Ecohill 1, Setia Ecohill, 43500 Semenyih, Selangor • No. Telefon: 03-8724 2255 • No. Lesen: WL6990/10/01-1/140419 • Tempoh Sah Lesen: 15/04/2017 - 14/04/2019 • No. Permit Iklan: WP6990/10/01-1/140419 • Tempoh Sah Permit Iklan: 15/04/2017 - 14/04/2019 • Kadar Faedah Pinjaman Tidak Melebihi: 12% Setahun (Bercagar), 18% Setahun (Tidak Bercagar)

Semua tanggapan yang dipersembahkan dalam bahan ini merupakan tanggapan pelukis semata-mata. Pihak pemaju mempunyai hak untuk mengubah mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum disiapkan seperti yang diarahkan atau diluluskan oleh para arkitek dan/atau pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. Walaupun penelitian yang serapi mungkin dilakukan dalam penyediaan bahan ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa percanggahan dalam isi kandungannya.

Kurangkan sampah sempena sambutan Aidiladha, seru YDP

SEBERANG JAYA - Komuniti Seberang Perai dinasihatkan supaya berusaha mengurangkan penjumlahan sisa domestik sempena musim perayaan Aidiladha yang dijadualkan 1 September nanti.

Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamad mendedahkan jumlah beratan sisa domestik yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong sehari sebelum Aidilfitri pada 24 Jun lalu adalah 792.01 tan berbanding 566.6 tan sampah yang direkodkan seminggu sebelum hari

raya pada 17 Jun lepas.

"Peningkatan hampir 40 peratus bagi sisa domestik.

"Masyarakat perlu peka dan mengambil tanggungjawab bersama-sama dalam isu kebersihan...tidak membiarkan sampah bertaburan (di luar tong komunal yang disediakan MPSP)," jelasnya pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Biasa (MBM) MPSP di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP lain turut sertai sidang media tersebut.



SR. Rozali Mohamad.

Kek Lok Si terima sumbangan sangkar khas asing sisa

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

Gambar : **LAW SUUN TING**

AIR ITAM - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai memperuntukkan sejumlah RM10,000 bagi menyediakan tiga sangkar khas dan 15 tong sampah di kuil terkemuka, Kek Lok Si bagi memudahkan pengunjung membuang dan melupuskan sisa mengikut jenis yang ditetapkan di sini.

Hon Wai ketika ditemui berkata, sumbangan berkenaan akan membantu pengunjung melupuskan sisa di tempat yang betul agar persekitaran kawasan tersebut terus terpelihara selaras dengan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca.

Katanya, daripada semua barang-barang kitar semula yang dikumpul, botol plastik minuman mencatatkan jumlah kutipan tertinggi.

"Oleh itu, saya ingin menyeru masyarakat agar mengurangkan penggunaan botol plastik minuman sebagai usaha menyokong kempen Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri semenjak tahun lalu.

"Diharap, sumbangan ini sedikit-sebanyak akan membawa kesan positif ke arah melahirkan masyarakat yang lebih prihatin terhadap alam sekitar," ujarnya selepas sesi sumbangan tersebut kepada wakil kuil 31 Julai lalu.

Selain Kek Lok Si, Hon Wai turut mengambil inisiatif menyediakan 11 pusat kitar semula lain di dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN)nya.



WONG **Hon** **Wai** **sambil** **diperhatikan**
wakil kuil membuang bahan-bahan kitar
semula kertas ke dalam sangkar yang disumbangkan beliau
kepada kuil Kek Lok Si di sini baru-baru ini.

Organisers: Joint Organisers: Co-Organisers: Collaboration Partners: Strategic Scheduled Waste Partner: Print Partner: Publicity Partner: Sponsors:

3,000 sertai *Glo-Walk* edisi kedua

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD.DAUD**

KEBUN BUNGA - Kira-kira 3,000 peserta menyertai acara berjalan kaki pada waktu malam, *Glo-Walk* yang kini memasuki edisi kedua setelah penganjuran kali pertama tahun lalu mendapat sambutan memberangsangkan.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng yang hadir menyempurnakan pelepasan peserta berkata, acara berjalan kaki berkaitan wajar dijadikan acara tahunan ke arah membentuk masyarakat yang sihat.

"Acara berjalan kaki secara santai seperti ini juga mampu menjadi pengikat silaturahim sesama peserta yang mungkin datang dari luar Pulau Pinang, selain melahirkan masyarakat sihat sebagaimana disarankan Ketua Menteri," ucapnya pada acara berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Tech Dome Penang, Dr. Khong Yoon Leong.

Pada acara tersebut, para peserta berjalan kaki sejauh lima kilometer bermula dari Taman

Bandaraya ke Taman Botani sambil mengenakan celoreng warna pemantul cahaya dalam gelap (*glow in the dark*).

Turut menarik perhatian adalah tarian zumba, mengecat muka, mural, meneropong sistem solar dan pelbagai lagi.

Bertemakan *Walk In The Park*, *Glo-Walk* dianjurkan oleh Tech Dome Penang dan disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri (MSN) dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang serta mendapat kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), *Penang Amateur Athletic Association* (PAAA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), *St. John's Ambulance* dan *Active Style Concept*.

Difahamkan, penyertaan bagi acara tersebut adalah berdasarkan yuran secara derma serendah RM20 bagi setiap individu atau RM5,000 hingga RM10,000 bagi sesebuah organisasi yang menghantar penyertaan sebanyak 50 hingga 100 peserta.

Hasil kutipan derma akan disalurkan bagi tujuan pembelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik anjuran *Tech Dome Penang*.



BEBERAPA peserta yang mengambil bahagian dalam acara *Glo-Walk* memberi pose istimewa di sini baru-baru ini.

Sukan futsal, platform keharmonian & satu padu kaum – Exco

BAGAN JERMAL - Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng percaya bahawa penganjuran kejohanan futsal mampu menjadi platform terbaik dalam memupuk keharmonian serta semangat kesukanan, khususnya dalam kalangan belia.

Justeru, beliau turut memuji Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) kerana berjaya menganjurkan kejohanan futsal buat kali kelima tersebut dekat Mak Mandin, Seberang Perai Tengah (SPT).

"Selain dapat menanam semangat kesukanan dalam kalangan peserta, kejohanan futsal seperti ini juga sangat penting kerana ia menjadi platform terbaik dalam memupuk keharmonian antara kaum dan perpaduan," ucapnya pada penganjuran Karnival Futsal FMM Kelima di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Pengerusi FMM Pulau Pinang, Datuk Dr. Ooi Eng Hock dan Pengerusi Penganjur, William Tan.

Difahamkan, sebanyak 70 pasukan mengambil bahagian dalam kejohanan berkaitan yang terdiri daripada agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kumpulan awam.

"Saya turut berasa bangga melihat enam penyertaan daripada 70 pasukan yang bertanding kali ini adalah wanita, secara tidak langsung menunjukkan bahawa sukan futsal ini bukan sahaja khusus kepada golongan lelaki.

"Lagipun, acara seperti ini juga baik dalam mengeratkan hubungan antara pemain-pemain industri dengan para pegawai di sektor kerajaan," ujarnya yang mahu melihat lebih banyak kejohanan seperti ini diadakan di negeri ini.



CHONG Eng (tengah) merakam gambar kenangan bersama barisan penganjur dan peserta Karnival Futsal FMM Kelima di sini baru-baru ini.

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

"Untuk wanita berumur 35 ke atas"
*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia
mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka
ini bersamaan dengan 700,000 orang!

Jadual Mammo Penang 2017

	Sabtu	Bahagian Pulau	Seberang Perai	Ahad	Bahagian Pulau	Seberang Perai
Ogos	19	Pulau Betong	Berapit	20	Pengkalan Kota	Padang Lalang
	26	Dato Keramat	Bertam	27	Pulau Tikus	Jawi
Sept.	2	Hari Raya Haji		3	Paya Terubong	Sungai Acheh
	9	Batu Lanchang	Pmtg Pasir	10	Kebun Bunga	Bukit Tengah
	16	Malaysia Day		17		
	23	Bayan Lepas	Machang Bubok	24	Batu Uban	Pinang Tunggal
Okt.	30	Komtar	Pmtg Berangan	1	Bagan Dalam	Sungai Dua
	7	Air Itam	Teluk Air Tawar	8	Paya Terubong	Sungai Acheh
	14	Teluk Bahang	Penaga	15	Sungai Pinang	Sungai Puyu
	21	Tanjong Bungah	Seberang Jaya	22	Pantai Jerjak	Penanti
	28	Padang Kota	Bukit Tambun	29	Batu Maung	Perai
Nov.	4	Air Putih	Bagan Jermal	5	Seri Delima	Sungai Bakap
	11	Pengkalan Kota	Padang Lalang	12	Pulau Betong	Berapit

Dee cekal pelopori penternakan udang kara, *clarki*, ikan betta



Oleh : **YAP LEE YING**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

NAMA dan rupanya seakan-akan udang galah. Ia ditenak di dalam air tawar, saiznya lebih kecil, berwarna kebiru-biruan dan berbintik putih.

Setelah sekian lama tertunda, akhirnya sesi wawancara bersama-sama pengusaha, **ROSIDI ABU**, 38, berjaya diatur.



ROSIDI Abu atau Dee.

Terletak di Kampung Hutan Petai, Machang Bubok. Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara terpaksa memasuki lorong bertar dan kemudian berbatu untuk sampai ke lokasi kolam ternakan.

Melihat kepada keadaan kolam, memang tiada apa yang menarik perhatian. Tetapi, air yang tenang jangan disangka tiada buaya.

Kedatangan kami disambut

dengan penuh mesra oleh anak jati Machang Bubok, Rosidi atau lebih mesra dengan nama panggilan, Dee, yang agak pemalu orangnya.

Seolah mengetahui keterujaan kami untuk melihat spesies ternakannya, tanpa bercakap panjang, Rosidi terus membawa kami ke destinasi (kolam ternakan).

Daripada permukaan, memang tidak kelihatan langsung udang kara. Yang kelihatan, hanyalah batang paip PVC yang dipotong pendek dan rumpai *hydrilla*.

Dee kemudian melangkah masuk ke dalam kolam, mengangkat batang-batang paip tersebut dan seekor demi seekor udang kara air tawar peliharaannya merangkak keluar.

Cantik, unik dan terpersona! Ketika itu, barulah penulis menyedari bahawa spesies udang berkaitan sering kali dijadikan hiasan akuarium, tak sangka pula ia boleh dimakan.

Menurut Dee, beliau telah 10 tahun berkecimpung di dalam bidang ternakan udang kara air tawar. Selain kolam di Machang Bubok yang berusia tiga tahun, perusahaan tersebut turut diusahakan di Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU). Keseluruhannya kini, beliau memiliki kira-kira 200 kolam ternakan udang kara.

"Kini, selain menjual, saya juga merupakan penternak udang kara air tawar yang turut membekalkan anak-anak benih.

"Malah, usaha diperluaskan dengan menawarkan kursus kepada mereka yang berminat

pada setiap hari minggu," katanya sambil menyatakan bahawa beliau mengambil tempoh kira-kira tiga tahun untuk betul-betul memahiri teknik ternakan spesies berkenaan.

Mengulas lanjut, rasa ingin cuba melopori bidang berkaitan berputik ketika beliau menjalankan perniagaan binatang peliharaan.

"Orang cakap pasaran memang bagus dan menguntungkan. Cara jaga pun mudah, Nak tinggal seminggu pun takpe, tidak manja.

"Apabila ada pelanggan order, saya pun tumpang sekaki. Benih tuh dapat daripada kawan dan juga kenalan di Facebook. Amat cantik, saiznya adalah kira-kira 2 inci.

"Pada peringkat permulaan, saya cuba 10 pasangan. Daripada jumlah itu, hanya dua atau tiga ekor yang mati sebab air terlebih panas," ujarnya teruja.

Tambah Dee, zaman internet banyak membantu beliau meningkatkan kemahiran menternak udang kara berbanding 10 tahun lalu, yang mana menurutnya, pengalaman pahit manis yang banyak mematangkan beliau memahiri bidang berkaitan sebelum ini.

"Mula-mula ternak, tidak kenal jantina, malah, induk juga dicampur-aduk di dalam satu kolam. Masa itu, memang anak-anak yang menetas mati.

"Pernah juga beribu-ribu udang kara pada usia matang iaitu enam bulan dengan saiz kira-kira 5 inci ke atas yang sedia untuk dipasarkan mati. Malah, pada tahun 2016, saya juga pernah rugi berpuluh ribu ringgit.

"Selain faktor pemangsa seperti biawak dan burung, risiko dalam bidang perniagaan adalah kerenah pelanggan. Dah ambik order, tetapi tidak muncul!" jelasnya yang sentiasa berpegang kepada prinsip tidak mudah putus asa, terus mencuba serta belajar daripada pengalaman.

Dee memberitahu, beliau kini dalam proses membiak udang kara jenis *clarki* berwarna kemerah-merahan.

"Ini baru masuk tahun kedua, cara bela adalah sama. Tetapi, telur yang dihasilkan adalah kurang berbanding udang kara air tawar biasa.

"Saiz maksimum yang boleh dicapai *clarki* ialah 4 inci dan bagi mengekalkan kemerahan warnanya, diet pemakanan yang diberikan ialah cacing sutera,"



SEDIA untuk dipasarkan.

katanya sambil memberi peluang kepada penulis serta rakan-rakan memegang *clarki*.

Bagi pasaran, selain tempatan, udang kara air tawar ternakannya turut dieksport ke Thailand.

"Tidak dinafikan, ekoran keuntungan dan popularitinya, persaingan penternakan udang kara ini sudah meningkat, Namun, disebabkan permintaan yang tinggi, bekalan adalah masih tidak mencukupi," jelasnya sambil menyatakan bahawa tahap kolesterol udang kara air tawar adalah lebih rendah berbanding udang galah air masin, selain juga dipercayai menjadi penawar kepada penyakit asma serta awet muda.

Bagi perancangan masa depan, Dee berharap dapat

melahirkan lebih ramai penternak bagi bersama-samanya menampung keperluan pasaran kini.

"Saya juga berharap pihak-pihak tertentu termasuk Kerajaan Negeri dapat membantu dari segi keperluan tanah bagi membolehkan saya meluaskan kolam-kolam sedia ada kini.

"Pada masa sama, saya juga ingin memperluaskan skop perusahaan kini kepada lain-lain bidang termasuk masakan udang kara air tawar," ujar beliau.

Malah, Dee turut menyatakan bahawa udang kara air tawar adalah sesuai dibuat masakan tiga rasa, penambah rasa kepada char kuetiau atau dimakan begitu sahaja (selepas stim).



RUPA bentuk telur udang kara air tawar.



BAHAGIAN bawah kepit udang kara air tawar jantan adalah berwarna merah berbanding yang betina.

Selesai mengenai udang kara, dalam perjalanan menuju ke arah jalan keluar, penulis dan rakan seperjuangan terpegun seketika apabila terlihat warna-warni ikan betta peliharaan Dee.

Kreatif sungguh anak muda ini, hati penulis berdetik.

“Saya sekarang sedang mepelopori bidang ternakan *betta fish*.

“Benih berusia tiga bulan ke atas dibeli dengan harga RM70 seekor dan banyak diperoleh dari Thailand.

“Saya belajar membiaknya daripada kawan dan *YouTube* dan kini memang sedang dipasarkan di pasaran tempatan,” katanya sambil tersenyum manis.

INFO:

013 – 5136 619

FB: *udangkaraairtawardee*



BETTA fish yang mula dipelopori.



WARNA clarki yang menarik perhatian.



KOLAM ternakan udang kara air tawar.

Terapkan kreativiti, inovasi dalam tadbir urus MPSP, seru KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA - Seperti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pun perlu menceburi diri dalam Revolusi Perindustrian 4.0 dengan menekankan aspek kreativiti dan inovasi dalam tadbir urus pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sempena sambutan Hari Majlis MPSP 2017, ketika mengulas mengenai 12 Keutamaan MPSP yang digariskan Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

"Yang penting adalah pelaksanaan, perancangan yang lebih baik, sekiranya tidak dilaksanakan, ia hanya jadi suatu teori, idea dan satu konsep sahaja.

"Kekuatan sebenar Amerika Syarikat adalah inovasi dan kreativitinya...Bill Gates, Steve Jobs dan Mark Zuckerberg adalah 'pencipta' yang telah berjaya mengubah cara hidup satu dunia.

"Mereka sekarang mencetuskan Revolusi

Perindustrian 4.0, kita (MPSP) harus menceburi diri.

"Cuba dampingi diri Revolusi Digital Industri 4.0...sekurang-kurangnya cara kerja kita akan berubah sama sekali," ucapinya di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini 23 Julai lepas.

Sebelum itu, Rozali menyatakan bahawa salah satu keutamaan pentadbirannya adalah mewujudkan 'smart cities' melalui Analisis Data Besar & Data Terbuka (BDA), Internet Untuk Segala-Galanya (IoT), 'Open Data', Pengkomputeran Awam (*cloud computing*) dan Sistem Informasi Geografi (GIS).

"Mewujudkan *smart cities* di Seberang Perai ini berdasarkan *Big Data Analytics*, *IoT*, *Open Data*, *Cloud Computing*, GIS adalah bertujuan menyokong wawasan Kerajaan Negeri untuk menjadi Bandar Pintar Pulau Pinang iaitu sebagai bandar pintar pertama di Malaysia," jelasnya.

Menurut Rozali, semua 12 Keutamaan MPSP itu akan mula dilaksanakan dalam tempoh 200 hari mulai masa pelantikannya sebagai YDP MPSP pada 3 Julai lepas.



KETUA Menteri dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) menyertai salah satu persembahan yang dipersembahkan sempena sambutan Hari Majlis MPSP 2017 di sini baru-baru ini.

MPSP seru jelas kompaun elak tindakan mahkamah

SEBERANG JAYA - Setiap bulan, kira-kira 300 kes pelanggaran undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang pelbagai akan dirujuk ke mahkamah, umum Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Justeru, beliau menyeru mereka yang berkenaan supaya segera menjelaskan pembayaran kompaun bagi mengelak tindakan lanjut secara berperingkat di mahkamah.

"Pada bulan Ogos ini, kita ambil sebanyak 330 kes ke mahkamah, purata kes yang akan kita bawa ke mahkamah adalah sebanyak 300 kes.

"Saya harap baki sebanyak 84,000 kompaun akan diselesaikan dalam tempoh enam bulan," serunya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP lain turut sertai sidang media tersebut.

Contohnya, untuk kesalahan tidak mempamerkan kupon MPSP ketika parkir kenderaan, Rozali memberitahu, pembayaran kompaun dalam tempoh 14 hari adalah serendah RM15; selepas tempoh 14 hari (RM20) dan selepas



UMUM yang hadir bagi semakan dan menyelesaikan pembayaran kompaun di kaunter MPSP di sini baru-baru ini.

tempoh 28 hari (RM25) sebelum tindakan undang-undang diambil, demi menggalakkan pembayaran golongan terlibat sebelum dirujuk ke mahkamah.

"Ini adalah penguatkuasaan berhemah, kita (MPSP) tidak cepat-cepat membawa mereka ke mahkamah walaupun mereka melakukan kesalahan," jelasnya.

Atas nama penguatkuasaan hemah, Rozali menyatakan bahawa pengurangan kompaun sebanyak 50 peratus turut dilaksanakan sempena Hari Majlis 23 Julai lalu di sini.

Pada hari tersebut, katanya, MPSP

berjaya menerima pembayaran berjumlah RM175,310 untuk 11,467 kompaun kesalahan berkaitan tempat letak kenderaan; 168 kompaun berkaitan kesalahan binaan tanpa kebenaran (RM25,200) dan 56 kompaun berhubung kesalahan perlesenan (RM15,275).

"Sebelum promosi pengurangan kompaun bersempena Hari Majlis yang diadakan pada 23 Julai 2017, kompaun yang belum dijelaskan (melibatkan ketiga-tiga jenis kesalahan) adalah berjumlah 95,305 dengan jumlah bayaran sebanyak RM3,292,160," ujar Rozali.

MPSP terima AKKP, penarafan lima bintang

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai pada Mac lalu menerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) serta penarafan lima bintang.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, sijil penarafan itu disampaikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dalam satu majlis di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya 10 Julai lepas.

"Aspek penilaian terbahagi kepada empat komponen, iaitu komitmen pengurusan, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi.

"Bagi penarafan lima bintang, kementerian atau jabatan atau agensi perlu mendapat markah (antara) 95 peratus hingga 100 peratus, iaitu objektif setiap kriteria dicapai pada tahap cemerlang," jelasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis MPSP lain turut sertai sidang media tersebut.

Difahamkan, Ali Hamsa sendiri memperkenalkan projek perintis AKKP pada tahun 2012, dengan memberi tumpuan kepada Kementerian, Jabatan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pada tahun 2013, MPSP berjaya mendapat penarafan tiga bintang sahaja.

Namun, pada Mac lalu, MPSP diumumkan dalam senarai sembilan PBT yang mendapat AKKP dengan penarafan lima bintang tersebut.

Kali ini, semua kementerian, jabatan persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan PBT yang menerima AKKP dan penarafan lima bintang adalah berjumlah 45 pihak.

MBPP, IAPWA bakal jalin kerjasama kawal anjing jalanan

GEORGE TOWN - Bagi mengawal populasi anjing jalanan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam baru-baru ini bersetuju melaksanakan *Program Zero Stray* melalui kaedah *Trap, Nueter and Release* (TNR) bersama-sama *International Aid For The Protection and Welfare* (IAPWA).

Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, program tersebut merupakan pendekatan baharu yang akan menggunakan kaedah TNR dalam usaha MBPP mengawal dan mencegah anjing-anjing terbiar di kawasan pulau dengan kerjasama bersama-sama IAPWA.

"Serentak itu, ia juga merupakan langkah untuk mencegah wabak yang datang dari anjing-anjing terbiar ini, iaitu dengan memerangkap, kembiri dan mengembalikannya (melepaskannya) semula," ujarnya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam merangkap Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong dan Pengarah Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan, Dr. P. Judy Shoba.

Mengulas lanjut mengenai kos pelaksanaan program tersebut, Judy Shoba

menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada kos projek akan ditanggung oleh IAPWA.

"Kos-kos seperti membawa doktor datang ke sini (Pulau Pinang), vaksin dan (ubat) pemandulan semuanya akan ditanggung oleh IAPWA sepenuhnya.

"MBPP hanya perlu menyediakan tempat, alatan untuk menangkap anjing dan kos utiliti sahaja," jelasnya.

Difahamkan, MBPP dijangka akan menandatangani perjanjian bersama-sama IAPWA dalam tempoh terdekat, dan sekiranya projek tersebut berjaya, MBPP akan menjadi PBT pertama dalam negara yang melaksanakan program seumpamanya.



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

MBPP disaran guna fasiliti, aset martabat seni kreatif

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) disaran menggunakan fasiliti dan aset kepunyaan MBPP bagi mencungkil dan menyuburkan bakat-bakat tempatan sedia ada bagi memartabatkan seni kreatif.

Saranan tersebut disuarakan Ahli Majlisnya, Syerleena Abdul Rashid ketika membuat ucapan penangguhan pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang bersidang di sini baru-baru ini.

Menurut Syerleena, aset dan fasiliti yang dimiliki MBPP dapat diguna untuk merancang strategi, memantapkan polisi dan menyatukan kelompok-kelompok yang berkepentingan.

"Sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), kita (MBPP) boleh menggunakan taman-taman, dewan, ruang terbuka seperti Esplanade, Upper Penang Road, panggung terbuka di Taman Bandaraya, ruang pentas di Kompleks Bayu Senja dan lain-lain untuk menganjurkan pelbagai

program seni.

"Malah, MBPP juga mampu memberi sokongan dari segi peruntukan dana untuk melaksanakan festival muzik, pementasan dan lain-lain acara seni kerana MBPP mempunyai sumber-sumber yang boleh membantu mempromosikan aktiviti-aktiviti ini.

"Bukankah lebih baik sekiranya MBPP dapat mewujudkan suatu platform buat bakat-bakat tempatan mengekspresikan kebolehan mereka dalam seni halus, seni ukiran, seni muzik, seni lakon, penyair, penulis kreatif dan kraf tradisional dengan menempatkan mereka semua di bawah satu bumbung serta membekalkan golongan ini dengan infrastruktur perlu," ujarnya.

Menurut Syerleena, usaha tersebut bukan sahaja memberi ruang untuk mengalakkan peningkatan sendiri yang positif, malah pada masa sama dapat mengelakkan anak-anak tempatan daripada terjebak dengan gejala-gejala sosial yang tidak bermanfaat.

Umum sering bercakap mengenai pembangunan bandar bestari dan bandar lestari, tetapi soal Syerleena, bagaimana pula dengan bandar kreatif?

Justeru, beliau berpendapat bahawa MBPP perlu mengorak langkah dengan meninjau dan meneliti manfaat seni kepada pembangunan negara, negeri dan masyarakat yang secara umumnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Ia juga mampu merangsang industri pelancongan Pulau Pinang dan menjana pendapat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) serta menambah peluang pekerjaan buat warga negeri," jelas beliau.



SYERLEENA Abdul Rashid.

SAVOUR THE PAST
STREET FOOD 2.0 FESTIVAL

DATE : 1 & 2 SEPT 2017
TIME : 5PM - 11PM
VENUE : LEBUH PANTAI

www.piff.com.my

Penang International Food Festival

In Conjunction with

Organiser

Endorsed by

Supported by





Mont Residence
PENANG

menara kondominium 38 tingkat



peningkatan



kehijauan, kekal



eksklusif

Nikmati Keindahan Alam Semulajadi

Mont Residence adalah kediaman mewah yang tenang dan disembunyi dari hiruk-pikuk bandar. Bayangkan dijemput oleh udara gunung yang segar dan kicauan burung pada pagi yang nyaman, kehidupan di Mont Residence adalah residensi yang terdekat dengan alam semula jadi tanpa menjejaskan kemudahan dan fleksibiliti kehidupan bandar.

Keluasan Binaan
1183 kps

Harga Minima
RM 200,000

Harga Maksima
RM 1,050,000

Diskaun Bumiputera
5%

Unit
473



Pemaju
VISENTAK CAPITAL SDN BHD
Wisma VST, No.37, Jalan Anson, 11400 Penang
T 604-226 4087 F 604-227 8127 www.vstgroup.com.my

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi

012 499 6868 | 016 459 8080

No. Lesen Pemaju: 13937-1/03-2018/09125(L) • Tempoh Sale: 26/3/2017 - 25/3/2018 • No. Permit Ikut dari Jualan: 13937-1/03-2018/09125(P) • Tempoh Sale: 26/3/2017 - 25/3/2018 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: MPPP • No. Pelan Menancang: MPPP/OSCP/M2207/13(LB) • No. Pelan Bangunan: MPPP/OSCP/B082/14(LB) • Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal • Belesen Tanah: Tindak • Tarikh Jangka Stop: Jan 2018



SCAN UNTUK LOKASI

UNIT KOMERSIL PDC UNTUK SEWAAN / JUALAN



**KOMTAR
(PODIUM)**



**KOMPLEKS
JALAN KEDAH**



**THE ONE
BANDAR BAYAN BARU**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi: -



Paras 4, No. 1, Pesiaran Mahsuri,
Bandar Bayan Baru,
11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang



sasirekha@pdc.gov.my



04-6340109/423

Pulau Pinang miliki kerajaan bersih, rakyat yang bahagia - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MP**

PADANG LALANG - Karnival Makan Sihat, Hidup Sihat yang pertama kali diadakan di Stadium MPSP dekat Jalan Betek pada 23 Julai lepas menerima lebih 1,000 pengunjung, rata-rata adalah penduduk Bukit Mertajam sendiri.

Ketika berucap, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berharap kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 mampu meningkatkan tahap kesejahteraan dan kegembiraan penduduk di Pulau Pinang.

Katanya, Pulau Pinang mempunyai tahap kebahagiaan tertinggi serta tahap tekanan yang

terendah berbanding Lembah Klang dan Johor Bahru.

Memetik tinjauan indeks kebahagiaan bandar *EdgeProperty.com-Lafarge 2017*, jelas Boon Poh, sebanyak 77 peratus rakyat Pulau Pinang menyatakan bahawa mereka 'sangat gembira' dan 'gembira' tinggal di negeri ini, berbanding 61 peratus di Johor dan 39 peratus di Lembah Klang.

"Pulau Pinang memiliki kerajaan yang bersih, persekitaran yang sihat dan rakyat yang bahagia," selorohnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Boon Poh bersama-sama Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menyempurnakan acara perasmian karnival tersebut.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Joshua Woo Sze Zeng

antara pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang hadir pada program tersebut.

Pada majlis sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon diiringi Yang di-Pertua (YDP) MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud turut menyerahkan 136 tong kitar semula kepada 34 wakil sekolah.

Tong kitar semula itu adalah sumbangan syarikat *Amphenol TCS*, Dato' Lee Teong Li.

Serentak itu, turut dilancarkan kempen 'Meatless Monday' untuk mengalakkan orang ramai, tidak kira bangsa dan agama supaya mengurangkan makanan daging.

Pembukaan 50 gerai bazaar hijau, pertandingan tukang masak hijau, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, zumba hijau, kelas mengajar masakan hijau, pertandingan pengetahuan am merupakan antara acara menarik dalam karnival itu.



SEBAHAGIAN pengunjung dan pempamer yang mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Makan Sihat, Hidup Sihat di sini baru-baru ini.

Program tersebut adalah anjuran pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam dengan kerjasama *Penang Green Council (PGC)*, *Idealite*, *JCI United Penang*, *Lions Club*, *Grow Community Market*, *BP Healthcare Group* dan *Vees*.

TANPA BEG PLASTIK

PERCUMA SETIAP HARI 2.0

每日无免费塑胶袋 2.0

mulai 01 Mac 2017

自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.

霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快餐店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记:

Bahagian Pelesenan MBPP, Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama, 10200 Georgetown, Pulau Pinang.

槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan PERDA Utama, Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

威省市政局一站式柜台

20 =

Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang
槟州福利基金

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama, AES) 计划来作为全州的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问:

Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04-263 8818

Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04-549 7414

Pertandingan wau tambah keunikan Jawi

JAWI - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Penggerak Komuniti Muda (PEKA) buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Wau Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini 30 Julai lepas.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Heng Yeh Shiuan berharap acara tradisi sebegini akan menjadi satu lagi identiti keunikan setempat khususnya Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi.

"Selain Balik Pulau, baka 'Ochee' atau durian duri hitam kini sudah boleh didapati di Jawi.

"Di sini juga sampai ada Tugu Kelip-Kelip sebagai mercu tanda Jawi, kerana ada habitat kelip-kelip boleh dinikmati di laluan Sungai Kerian.

"Tidak mustahil pertandingan wau ini akan menjadi satu lagi identiti unik bagi daerah ini, khususnya di Jawi," jelasnya dalam majlis perasmian acara tersebut di Padang Jawi di sini.

Mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Yeh Shiaun berharap Kerajaan Negeri menganjurkan lebih banyak lagi acara unik di KADUN berkenaan.

Sebelum itu, Penyelaras PEKA, Muhammad Nasir Abu Bakar memberitahu, penganjuran tersebut menerima penyertaan 40 peserta.

"Program ini adalah bertujuan untuk mengangkat kembali permainan tradisional tempatan, iaitu wau yang semakin dilupakan oleh generasi hari ini.

"Kerana sambutan yang diterima amat



SALAH seorang peserta menerima hadiah Pertandingan Wau Peringkat Daerah SPS di sini baru-baru ini.

mengalakkan daripada para peserta, PEKA bercadang untuk menjadikan pertandingan ini sebagai acara tahunan," jelasnya.

Johan acara menerima hadiah sebanyak RM500, manakala naib johan (RM300) dan ketiga (RM200).

Joe Sidek harap GTF jadi kekuatan Malaysia ke Asia Tenggara



ARCA menarik yang dipamerkan.

BUKAN mudah untuk menyertai acara antarabangsa di tanah air ini, seperti Festival George Town 2017 (GTF), secara percuma atau tiket semurah RM25 seorang.

Masuk tahun kelapan penganjuran festival itu pada 28 Julai hingga 3 September lalu, tentulah menyediakan pelbagai keunikan persembahan tempatan dan antarabangsa buat pengunjung tempatan serta pelancong asing.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), *Penang Global Tourism* (PGT), *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), *ThinkCity Sdn. Bhd.* (ThinkCity), *The Habitat Penang Hill*, *Gwangju City*, *Guangju Cultural Foundation* antara pihak sokongan dan penaja di sebalik penganjuran GTF 2017 ini.



JOE Sidek.

Ikuti wawancara bersama kurator terkenal GTF 2017, lain tak bukan **JOE SIDEK** oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.

BM: Sudah masuk tahun kelapan GTF, apakah kelainan dalam festival kali ini?

Joe Sidek: Saya memang cuba menjadikan Asia Tenggara lebih kukuh, kerana warga Asia Tenggara ada 640 juta orang, dan pasaran ini begitu kuat.

Kalau saya bertanya kepada kamu -

apa yang telah kamu rasa mengenai nilai Asia Tenggara? Mungkin ya atau tidak dirasai, walaupun sebenarnya sangat saling berhubung-kait dalam banyak segi kerana kita adalah berjiran.

Saya cuba mencari jalan untuk menghubungkan lagi kekuatan Asia Tenggara ini melalui persembahan bersama, pameran jalanan, saling bekerjasama dengan pelbagai pihak di luar negara dan di negeri ini seperti Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi-agensi berkaitan yang lain.

Saya ingat susah nak cakap apa yang menarik dan tak menarik dalam siri kelapan GTF 2017 (Festival George Town) kali ini.

Semua acara unik dan sama, kita tak ulang persembahan, dalam pelbagai konteks dan dimensi, yang mungkin belum pernah ditonton oleh kebanyakan rakyat Malaysia di Pulau Pinang sendiri.

BM: Sejauhmana GTF ini memberi manfaat kepada rakyat Malaysia, khususnya di Pulau Pinang?

Joe Sidek: Kalau ada anak, sama ada Melayu, Cina atau India, di mana lagi tempat selain muzium, untuk didedahkan pelbagai pengalaman kebudayaan dan persembahan tradisional sebegini (GTF 2017) di Pulau Pinang ini?

Kita perlu rasa bimbang jika era globalisasi pada hari ini menyebabkan anak-anak kita tidak mengenali kebudayaan tempatan.

Kalau ada kebudayaan Barat atau ketimuran yang sihat, sekurang-kurangnya anak-anak kita mempunyai peluang untuk memilih, bukan hanya disogok dengan persembahan popular Justin Bieber dan K-Pop semata-mata.

Sebab itu, bagi saya, kenapa tidak kita bawa anak kita keluar untuk melihat sendiri kelainan persembahan dan pameran tradisional di GTF 2017, untuk mereka menyaring pengetahuan yang lebih baik?

BM: Satu lagi isu, GTF dianggap tidak mengangkat kebudayaan Melayu, seperti kritikan sesetengah pihak kepada Saudara pada tahun lepas. Komen?



PERSEMBAHAN sebahagian artis pada malam pelancaran GTF 2017.

Joe Sidek: Jangan beritahu saya untuk mengetengahkan kebudayaan Melayu sahaja dan buang kebudayaan Cina dan India dan bangsa-bangsa di Malaysia yang lain? Rugi jika kita mencampak keluar boria atau Opera Cina kerana pada satu-satu masa, sepanjang GTF 2017 (mulai 27 Julai hingga 3 September), sepatutnya kita perlu memuatkan lebih banyak perkara, termasuk kebudayaan tempatan.

Dengan pendedahan keunikan Asia Tenggara dalam festival (GTF 2017) ini, bukan sahaja kita didedahkan supaya menerima persaingan yang lebih sihat, bahkan adalah batu loncatan untuk mengangkat kebudayaan terkaya, tentu sekali termasuk kebudayaan Melayu ke peringkat Asia Tenggara dan antarabangsa.

Jangan jadi seperti katak bawah tempurung, lihatlah di luar sana supaya kita tahu apa sepatutnya kita lakukan untuk jadi lebih baik daripada pihak lain.

Saya pun Melayu, tentu tidak cair jati diri Melayu saya kerana tujuh persembahan antarabangsa sahaja berbanding 20 persembahan tempatan dalam GTF kali ini.

BM: Di sebalik penganjuran GTF ini, apakah harapan yang mungkin ingin saudara berkongsi dengan pembaca akhbar Buletin Mutiara?

Joe Sidek: GTF 2017 ini kita bersama-sama buat untuk angkat kebudayaan Malaysia ke Asia Tenggara, termasuk persembahan tradisional Melayu, sebab itu acara seperti Mek Mulung dan Silat Dulang umpamanya

dimuatkan dalam senarai 20 persembahan pentas festival kali ini (siri kelapan).

Saya sendiri bukanlah sejarahwan atau ahli budaya, bagaimana saya boleh mengangkat kebudayaan tempatan, melainkan ada pejuang budaya dan seni Melayu sendiri perlu cadangan yang lebih baik, bukan sesama Melayu kita sahaja, untuk diketengahkan diakui terbaik oleh mereka yang di luar kelompok kita (rakyat Malaysia).

Saya tidak pernah menolak seni kebudayaan baik daripada Melayu, Cina atau India, tetapi saya akan ambil dan angkat yang terbaik, setidak-tidaknya ke peringkat Asia Tenggara.

Banyak kali saya sebut, saya ambil tugas ini (kurator GTF) pun bukan sebab saya dilihat Melayu, tetapi sebab bakat dan saya terus berusaha membuktikan yang saya lebih baik berbanding yang lain dalam penganjuran festival sebegini.

Kenapa saya memuatkan juga persembahan antarabangsa untuk disaksikan oleh pengunjung tempatan? Supaya, kita tahu piawaian sebenar antarabangsa untuk kita lebih bekerja keras, pergi ke peringkat Asia Tenggara dan antarabangsa.

Anak Malaysia seperti Yuna telah ada di peringkat antarabangsa kerana bakatnya, sebenarnya banyak lagi nama-nama besar yang lain.

Sebab itu, saya percaya bahawa Asia Tenggara ini adalah kekuatan untuk acara-acara tempatan melalui GTF sendiri pergi ke peringkat antarabangsa.